

24/11/1998

Putrajaya beroperasi Februari depan

KUALA LUMPUR, Isnin - Semua kemudahan asas di pusat pentadbiran kerajaan yang baru di Putrajaya sudah siap dibina, menjelang perpindahan fasa pertama kakitangan awam ke sana mulai Februari depan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkata kemudahan tertentu seperti jalan raya dan bangunan pejabat bagi pembangunan fasa pertama Putrajaya, sudah didirikan.

"Semua kemudahan berkenaan sedang disiapkan dan mereka akan mula berpindah pada Februari ini," katanya selepas merasmikan Forum Mengenai Pengurusan Perubahan Dalam Era Kerajaan Elektronik, di sini hari ini.

Projek Fasa 1A di Putrajaya itu membabitkan pejabat dan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM), termasuk Biro Tata Negara (BTN), Jabatan Kehakiman dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Igis).

Pembinaan Fasa 1B masih dijalankan, membabitkan pembinaan kediaman Perdana Menteri dan timbalannya. Fasa pertama pembangunan Putrajaya membabitkan peruntukan RM4 bilion, manakala fasa kedua bermula pada tahun 2000, membabitkan kos kira-kira RM16 bilion dalam tempoh sepuluh tahun.

Fauzi berkata, sebahagian kakitangan JPM akan berpindah ke Putrajaya mulai April ini.

"Operasi perpindahan kakitangan kerajaan akan diselaraskan oleh JPM sendiri untuk memastikan tiada kesulitan timbul," katanya.

Mengenai kedudukan kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya, beliau menegaskan pembinaannya mengikut peraturan kerajaan dan tidak perlu dipersoalkan lagi.

"Kita perlu ingat, kediaman berkenaan bukan dibina untuk kegunaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetapi untuk Perdana Menteri Malaysia," katanya sambil menganggap isu itu sudah ditutup.

(END)